

1983

KUALA LUMPUR, 3 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PARA PELATIH KUMPULAN PERTAMA YANG DIHANTAR KE JEPUN DI BAWAH DASAR PANDANG KE TIMUR MENJADIKAN DIRI MEREKA SEBAGAI PARA PEKERJA CONTOH TENTANG CARA DAN SIKAP ORANG JEPUN BEKERJA.

BERUCAP MERAIKAN KEPULANGAN PELATIH-PELATIH ITU DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN USAHA KERAJAAN UNTUK MEMUPUK ETHIKA KERJA YANG BAIK DI NEGARA INI BERGANTUNG KEPADA MEREKA.

KATANYA NEGARA MENARUH HARAPAN BESAR KEPADA MEREKA SEBAGAI PELOPOR CARA BARU BEKERJA YANG TELAH DIAMALKAN OLEH PEKERJA-PEKERJA JEPUN.

'SEBAGAI KUMPULAN PERTAMA YANG DIDEDAHKAN KEPADA SIKAP DAN CARA-CARA ORANG-ORANG JEPUN BEKERJA SAUDARA-SAUDARA MEMPUYAI KEDUDUKAN ISTIMEWA SEBAGAI SATU UJIAN SAMA ADA PROGRAM LATIHAN INI BERJAYA ATAU TIDAK', KATANYA.

'SAUDARA-SAUDARA BUKAN SAHAJA AKAN DIPERHATI OLEH RAKAN-RAKAN PEKERJA DI TEMPAT KERJA TETAPI OLEH SELURUH NEGARA', TAMBAHNYA.

PARA PELATIH TERSEBUT SERAMAI 111 ORANG ADALAH DARIPADA 136 ORANG YANG DIHANTAR KE JEPUN MENJALANI LATIHAN DI SYARIKAT-SYARIKAT DI SANA UNTUK MENDEDAHKAN MEREKA KEPADA NILAI-NILAI, CARA DAN SIKAP PEKERJA-PEKERJA JEPUN.

SERAMAI 24 PELATIH LAGI DIPILIH MELANJUTKAN LATIHAN MANAKALA SEORANG PELATIH TIDAK TAMAT LATIHAN KERANA SAKIT. -- LAGI 1749/00 NNNN

ZCZC 8643

MAHATHIR- PELATIH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU PARA PELATIH ITU MENUNJUKKAN KEPADA PARA PEKERJA DI NEGARA INI BIKAP RAJIN, TAAT DAN PATUH KEPADA ARAHAN, BIKAP MENGUTAMAKAN KUMPULAN, BANGGUP MENJAGA IMEJ MAJIKAN DAN BANGGA MENGENALKAN DIRI DENGAN NAMA SYARIKAT OLEH PARA PEKERJA JEPUN.

BIKAP YANG BAGITULAH YANG MEMBOLEHKAN ORANG-ORANG JEPUN MENCAPAI KEJAYAAN DAN RAKYAT MALAYSIA PERLU MENGAMALKAN BIKAP-SIKAP YANG SAMA JIKA INGIN BERJAYA, KATANYA. BELIAU BERKATA +SELAGI KITA TIDAK MENGUBAH BIKAP, SELAGI ITU ORANG LAIN MEMANDANG RENDAH DAN MENGHINA KITA+.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN PARA PELATIH ITU SUPAYA PANDAI MEMBAWA DIRI APABILA MEREKA BEKERJA KERANA SEBAGAI GOLONGAN YANG DIBERI LATIHAN KHAS MEREKA AKAN MENGHADAPI BANYAK CABARAN.

-- LAGI 1738/00

NNNN

ZCZC 8644

MAHATHIR-PELATIH 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, MEREKA MUNGKIN AKAN DIPERMAIN-MAINKAN OLEH PEKERJA LAIN SEBAGAI ORANG YANG TERLALU MEMENTINGKAN KERJA DAN JUGA DIPENGARUHI SUPAYA MELUPAKAN CARA-CARA DAN SIKAP BERKERJA YANG DIPEROLEHI DI JEPUN.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN PARA PELATIH ITU SUPAYA JANGAN BERSIKAP SOMBONG DAN ANGKUH KERANA SIKAP ITU BOLEH MENIMBULKAN MASALAH DI TEMPAT-TEMPAT KERJA Masing-masing.

'JIKA INI BERLAKU PENDEDAHAN YANG DIPEROLEHI AKAN MENJADI SIA-SIA', KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENABIHATKAN PARA PELATIH TERSEBUT AGAR JANGAN TERLALU MEMENTING UPAH BILA BERKERJA, SEBALIKNYA MEMENTINGKAN KEPUASAN BEKERJA DENGAN BAIK.

BELIAU BERKATA, RAMAI YANG AKAN MENGAMBIL KESEMPATAN MENGKERITIK BAHAWA LANGKAH MENGHANTAR MEREKA KE NEGERI JEPUN ITU SEBAGAI MEMBAZIR DAN DASAR PANDFANG KE TIMUR SEBAGAI DASAR YANG TIDAK BOLEH DIHARAP SEKIRANYA MEREKA GAGAL MENJADI CONTOH YANG BAIK.

SEBELUM ITU, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI PARA PELATIH ITU, LAPORAN PENILAIAN MENGENAI PARA PELATIH ITU DARI SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN YANG BERKENAAN ADALAH MENGGALAKKAN.

PADA KEBELURUHANNYA PRESTASI PARA PELATIH ITU DI SANA ADALAH MEMUASKAN PIHAK PENGANJUR DI JEPUN TETAPI MASIH ADA RUANG-RUANG YANG BOLEH DIPERBAIKI', KATANYA. -- LAGI 1811/00

MAHATHIR-PELATIH 4 KUALA LUMPUR

DATUK ABDULLAH BADAWI BERKATA, PARA PELATIH ITU UMUMNYA MENGALAMI SEDIKIT MASALAH BAHASA TERUTAMA DALAM MEMAHAMI BAHASA-BAHASA TEKNIKAL DALAM BAHASA JEPUN.

BELIAU BERKATA, PIHAK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM AKAN MENGEDARKAN BORANG-BORANG SOALAN KEPADA PARA PELATIH ITU UNTUK MENGETAHUI MASALAH MEREKA DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH MEMPERBAIKI PROGRAM LATIHAN ITU. -- BERNAMA 1818/00